

# Jepun

BR 28 AUG 1984

# digesa

# ubah corak

**KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Jepun supaya bersedia sedia membuka 'babak kedua' sebagai pemimpin dunia yang bertanggungjawab menjaga hak masyarakat antaiabangsa, termasuk Malaysia dan Asean.**

Di bidang perdagangan, Perdana Menteri berkata Jepun harus mengubah corak yang membayangkan penjajahan ekonomi oleh negara itu ke atas negara-negara membangun seperti Malaysia.

Tegasnya, sama ada rakyat Jepun menginginya atau tidak, sama ada sesiapa suka atau tidak, Jepun adalah di barisan hadapan selaku

mengurangkan pembelian barang-barang Jepun dan mengadakan sebarang ke atas barang-barang dari negara itu. Tetapi, ini bukan caranya.

## Lindungan

"Cara yang ingin saya tekankan kepada Jepun ialah supaya pasaran Jepun menyerap lebih banyak barang-barang keluaran kilang Malaysia.

"Rakyat Jepun semua bersetuju bahawa dasar perlindungan adalah tidak sihat. Tetapi, sebenarnya Jepun adalah antara negara yang paling hebat mengamalkan dasar perlindungan.

pemimpin dunia bebas.

Tetapi, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, sebagai pemimpin, Jepun tidak seharusnya memikirkan fardah yang mereka boleh perolehi sahaja. Yang sama pentingnya ialah memikirkan sumbangan yang dapat ia berikan kepada manusia sejagat.

Beliau berkata, Jepun sepatutnya menjadi contoh kepada manusia sejagat. Tetapi malangnya, laporan Pertubuhan Pelajaran, Sosial dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) menunjukkan ada hanya 8.100 pelajar asing di Jepun pada tahun 1981 berbanding dengan lebih 55.000 di United Kingdom, 100.000 di Perancis dan 300.000 di Amerika Syarikat.

"Kami bersyukur kerana seramai 200 pelajar Malaysia kini mcnuntut di Jepun. Tetapi di Amerika Syarikat, pelajar kami ialah seramai 29.000 orang," katanya.

Perdana Menteri membuat ulasan yang tajam itu dalam ucapan kepada Kolokium Malaysia-Jepun di sini hari ini. Ucapan beliau disampaikan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Jepun hendaklah menoleh kebelakang dan mengkaji di manakah mereka akan berada sekarang tanpa persahabatan negara-negara lain.

Datuk Seri Dr Mahathir mncsifatkan, babak pertama Jepun felah berlalu kira-kira-kira 130 tahun lalu, bila Komodor Perry tiba di Teluk Tokyo dengan empat buah kapal - peristiwa yang dikenali sebagai peristiwa *The black Ships*. Beliau pulang dengan tujuh buah kapal.

"Biarlah saya menyatakan kepada Jepun bahawa di hadapan anda sekarang bukan empat atau tujuh kapal, tetapi enam kapal hitam —

"Saya tidak menyatakan kita tidak boleh atau tidak, harus melakukan sesuatu untuk masuk ke pasaran Jepun. Saya menyatakan bahawa pasaran, itu sendiri mestilah lebih terbuka," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, sesuatu harus juga dilakukan bagi memperbaiki ketidakseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara, terutama imbalan tidak setara, yang kini merugikan Malaysia.

masyarakat Asean. Inilah masanya bagi Jepun membuka babak keduanya.

"Kami berlabuh di Teluk Tokyo. Jika anda menghampakaxi kami, kami akan balik," tegas Perdana Menteri ketika merasmikan Kolokium Malaysia-Jepun, yang pertama di sini hari ini.

Pada masa ini, kata Perdana Menteri, ada aspek-aspek yang amat tidak seimbang dalam hubungan antara Malaysia dan Jepun. Sesuatu hendaklah dilakukan bagi mewujudkan satu bentuk hubungan ekonomi yang tidak akan me-

nimbulkan ketegangan di masa akan datang.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menjual bahan-bahan mentah kepada Jepun dan membeli barang-barang kilang darinya. Pada tahun 1982, eksport utama Malaysia seperti minyak mentah, kayu, bijih timah dan bahan-bahan galian merangkumi 84 peratus ekport ke Jepun.

Katanya Malaysia boleh mengubah corak perdagangan yang tidak seimbang dan berbentuk kolonial ini dengan